

23/09/1997

Komponen Barisan sokong saranan Dr M

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) menyokong penuh saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pemimpin dalam gabungan itu bersatu dan bekerja sebagai satu barisan dalam menangani sebarang permasalahan yang dihadapi berasaskan konsep perkongsian pintar.

Naib Presiden MCA, Datuk Ong Ka Ting, berkata kestabilan negara adalah bergantung kepada kerjasama semua pihak, termasuk parti komponen BN yang mempunyai rekod cemerlang dalam bekerjasama.

"MCA sentiasa akur dan mematuhi nasihat Perdana Menteri selaku Pengerusi BN dan mendokong prinsip kerjasama ini serta berbincang jika menghadapi sebarang masalah," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Perdana Menteri semalam mengingatkan parti komponen BN supaya bersatu dan bekerja sebagai satu barisan dalam menangani sebarang permasalahan yang dihadapi negara berasaskan konsep perkongsian pintar.

Konsep perkongsian itu, menurutnya, harus memberi manfaat secara adil kepada semua yang terbabit, iaitu mereka harus bersedia berkorban sedikit dan jangan membolot 100 peratus.

Katanya, dalam masyarakat pelbagai kaum di negara ini, tiada yang terjamin 100 peratus gembira kerana tidak semua kehendak mereka dapat dipenuhi.

Ong berkata, sikap memberi dan menerima seharusnya ada pada semua pemimpin BN kerana dengan cara ini sahaja kestabilan negara dapat dikekalkan.

"Jika semua pemimpin bersedia bersikap memberi dan menerima, hasrat untuk melihat negara terus membangun akan tercapai," katanya.

Ketua Pemuda Gerakan, Chang Ko Youn, berkata pihaknya mengalu-alukan dan menyokong kenyataan Dr Mahathir kerana sebagai pemimpin dalam satu komponen parti, sikap memberi dan menerima perlu ada pada setiap individu.

(END)